

BAB LAPAN

IMPLIKASI PEDAGOGI DAN PENUTUP

8.0. PENDAHULUAN

Kajian AK dan AS yang dijalankan ke atas sistem fonetik dan fonologi BM dan BP telah mencapai objektifnya untuk melihat sama ada perbezaan yang terdapat antara BM dan BP boleh menimbulkan masalah di dalam pembelajaran atau tidak. Hasil perbandingan tersebut telah berjaya meramal kesulitan yang mungkin akan dihadapi oleh pelajar Melayu apabila mempelajari BP. Bunyi-bunyi yang tidak terdapat dalam BM, cara pengeluaran bunyi-bunyi BP, rangkap vokal dan rangkap konsonan BP serta penyebaran sesetengah bunyi merupakan antara masalah yang diramalkan dalam AK.

Ramalan ini kemudianya telah dijadikan garis panduan oleh penyelidik di dalam merangka tugasannya untuk kajian AS. Kajian AS yang dijalankan dalam Bab 7 telah membuktikan bahawa sesetengah ramalan masalah yang dibuat dalam Bab 6 adalah tepat. Walau bagaimanapun kajian AS juga memperlihatkan terdapat beberapa masalah lain selain daripada yang telah diramalkan dalam AK turut dialami oleh pelajar-pelajar Melayu berkaitan dengan sistem fonetik dan fonologi BP. Dalam bab tersebut juga kita telah melihat jenis kesulitan dan apakah strategi yang digunakan oleh subjek ketika berhadapan dengan masalah-masalah tersebut. Dapatkan kajian AK dan AS juga telah berjaya menunjukkan bahawa masalah di dalam pengajaran bunyi-bunyi BP bukan hanya berpunca daripada perbezaan yang terdapat antara sistem kedua-dua bahasa tetapi boleh datang daripada sumber lain seperti struktur bahasa sasaran sendiri. Selain itu, kajian AS juga telah

memperlihatkan pelbagai strategi yang digunakan oleh pelajar apabila berhadapan dengan kesulitan.

Kesilapan di dalam pengajaran bunyi-bunyi bahasa boleh mengakibatkan perubahan makna sesuatu perkataan dan ini juga seterusnya akan menjelaskan proses komunikasi yang berlaku dalam bahasa tersebut. Adalah amat penting masalah di dalam penghasilan bunyi-bunyi bahasa yang tepat diberi perhatian yang sewajarnya. Oleh yang demikian, seperti yang telah dinyatakan terdahulu bahawa salah satu matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk memberi cadangan bagaimana untuk membantu memperbaiki sebutan bunyi-bunyi bahasa sasaran. Dalam bab ini, cadangan untuk memperbaiki sebutan pelajar-pelajar Melayu akan dikemukakan yang hanya merangkumi aspek yang berkaitan dengan penghasilan bunyi-bunyi segmental BP sahaja. Cadangan ini tidak akan melibatkan aspek suprasegmental seperti tekanan, intonasi atau pun persendian. Cadangan-cadangan pembetulan sebutan ini dibuat setelah mengambil kira jenis kesulitan dan punca masalah.

8.1. IMPLIKASI PEDAGOGI

Kajian tentang bagaimana untuk memperbaiki cara sebutan bunyi-bunyi BP telah lama dibincangkan oleh pihak yang terlibat dengan pengajaran dan penggubalan bahan pengajaran BP di Perancis. Sebelum cadangan bagaimana pembetulan sebutan BP dikemukakan, dirasakan adalah perlu huraian secara ringkas tentang kaedah-kaedah pembetulan sebutan yang sering mendapat perhatian di dalam pengajaran dan pembelajaran BP kepada pelajar-pelajar asing dibuat. Antara kaedah yang terkenal di dalam pembetulan sebutan BP kepada pelajar asing adalah kaedah artikulasi (*méthode articulatoire*), kaedah perbandingan, kaedah pertentangan pasangan minimal dan kaedah *verbo-tonal*.

Kaedah artikulasi menekankan pembetulan sebutan dibuat dengan memberi perhatian kepada kedudukan dan bentuk semua organ pertuturan yang terlibat semasa pengeluaran sesuatu bunyi bahasa. Pelajar-pelajar diminta memberi perhatian dan tumpuan terhadap alat-alat artikulasi seperti bentuk dan kedudukan bibir dan lidah apabila sesuatu bunyi bahasa diujar. Contohnya apabila bunyi vokal dikeluarkan, bentuk bibir sama ada dibundarkan atau tidak dan sama ada lidah dihamparkan atau dinaikkan perlu dijelaskan kepada pelajar. Bagi sesetengah bunyi konsonan pula, pelajar diminta memerhatikan keadaan pita suara sama ada digetarkan atau tidak semasa penghasilannya. Melalui pemerhatian alat-alat artikulasi ini, pelajar-pelajar diharapkan akan dapat memperbaiki cara pengeluaran bunyi-bunyi bahasa asing yang menimbulkan masalah kepada mereka. Kaedah ini agar sukar dilakukan kerana bukan semua organ pertuturan yang dapat diperhatikan semasa sesuatu bunyi dikeluarkan. Ini memerlukan pemerhatian yang teliti daripada pelajar. Keadaan ini mungkin akan mengambil masa yang panjang untuk dilakukan kerana huraian dan penjelasan tentang cara pengeluaran dan alat-alat artikulasi yang terlibat perlu dibuat secara teliti dan terperinci. Huraian secara teknikal ini boleh menyebabkan pelajar-pelajar hilang minat untuk mempelajari bahasa tersebut. Oleh itu, dirasakan pembetulan sebutan pelajar kurang sesuai dilakukan sepenuhnya melalui kaedah ini. Penggunaannya perlulah dilakukan bersama dengan kaedah-kaedah lain.

Pembetulan sebutan juga dilakukan melalui **kaedah perbandingan** sistem fonetik bahasa ibunda pelajar dan bahasa sasaran. Bunyi-bunyi yang ada persamaan di antara kedua-dua bahasa digunakan untuk memudahkan penyebutan sesuatu bunyi yang dipelajari. Bunyi-bunyi tertentu dalam bahasa sasaran diterangkan dengan memberi contoh perkataan dalam bahasa pertama yang mengandungi bunyi tersebut. Kaedah ini dirasakan tidak sesuai

digunakan sebagai satu cara untuk memperbaiki sebutan pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BP kerana jumlah bunyi-bunyi yang ada persamaan antara BM dan BP terutamanya bunyi-bunyi vokal adalah terhad. Oleh itu, perbandingan yang boleh dilakukan juga adalah terhad dan proses pembetulan sebutan juga tidak dapat berjalan dengan lancar.

Kaedah pertentangan pasangan minimal merupakan satu salah kaedah tradisional yang terkenal dalam linguistik struktural. Kaedah ini sering digunakan untuk melatih pendengaran pelajar dalam mendiskriminasi bunyi-bunyi BP dan penghasilan bunyi-bunyi tersebut. Senarai pasangan perkataan yang mengandungi dua bunyi vokal atau konsonan yang hampir sama dari segi fitur distingtifnya seperti vokal depan tidak bundar [i] dan vokal depan bundar [y] dipertentangkan secara berpasangan dan pelajar diminta menandakan bunyi apakah yang didengarnya. Pasangan perkataan yang dipertentangkan ini berbeza pada satu bunyi sahaja tetapi membawa makna atau kala (*tense*) yang berbeza. Melalui latihan ini pelajar akan menyedari bahawa perbezaan yang kecil dalam bunyi-bunyi BP boleh memberi kesan yang besar kepada makna atau kala perkataan tersebut. Oleh yang demikian, latihan ini akan dirasakan akan dapat melatih mereka di dalam menanggap bunyi-bunyi dan meningkatkan keupayaan untuk mendiskriminasikan bunyi-bunyi yang didengar dengan lebih baik lagi.

Kaedah “*verbo-tonal*” yang juga merupakan salah satu kaedah pembetulan sebutan yang sering mendapat tempat di kalangan pihak yang terlibat dengan pengajaran BP kepada pelajar asing telah diperkenalkan pertama kali oleh Petar Guberina seorang ahli linguistik Croatia pada tahun 1956. Petar Guberina dalam prakata buku *Enseignement de la prononciation; le système verbo-tonale (S.G.A.V)* oleh Jean Cureau dan Branko Vuletic (1974), menyatakan bahawa sistem “*verbo-tonal*” cuba mengkaji masalah yang berkaitan

dengan kegagalan pendengaran untuk menanggap dengan baik sistem fonetik bahasa asing. Kaedah ini mempunyai dua matlamat iaitu untuk melatih semula pendengaran (*rééducation de l'audition*) dan juga untuk memperbaiki sebutan apabila mempelajari bahasa asing (1974: 35).

Kaedah ini mempunyai prinsip asas bahawa setiap bunyi atau perkataan mempunyai oktaf kefahaman yang optimum. Jika bunyi-bunyi atau perkataan-perkataan yang dipancarkan oleh oktaf-oktaf yang tidak optimum, ia menjadi bentuk yang cacat (*déformé*) pada telinga yakni apa yang didengar adalah bunyi yang berlainan dengan apa yang diujarkan. Kesilapan juga berlaku disebabkan adanya bidang pendengaran (*champ d'audition*) yang pelbagai jenis dan kepekaan pendengaran pelajar dihadkan oleh struktur bunyi-bunyi bahasa ibundanya. Pendengaran bukan satu fenomena yang berterusan tetapi adalah terputus-putus. Sistem fonetik bahasa ibunda yang mengawal pendengaran kita dan semasa proses pendengaran, otak kita memilih untuk mendengar bunyi yang biasa bagi bahasa ibundanya.

Rantaian komunikasi terdiri daripada empat proses iaitu pengeluaran bunyi-bunyi bahasa, pemancaran atau penyampaian bunyi-bunyi tersebut, pendengaran bunyi-bunyi dan penghasilan semula bunyi-bunyi bahasa berkenaan. Ini bermakna penghasilan bunyi yang betul harus bermula daripada pendengaran yang baik. Oleh yang demikian, kaedah pembetulan sebutan “*verbo-tonal*” ini cuba untuk mengasuh atau mendidik semula pendengaran pelajar agar dapat menghasilkan sebutan yang tepat. Pendengaran yang betul dapat direalisasikan melalui pelbagai cara sama ada semasa pengeluaran bunyi bahasa atau pun semasa penyampaian atau pemancarannya. Kaedah ini agak menarik untuk digunakan bagi membetulkan sebutan bunyi-bunyi BP dan boleh diperaktikkan oleh pengajar-pengajar

BP di Malaysia sekiranya mereka diberi latihan yang mencukupi bagaimana cara mengaplikasikan kaedah ini dalam pengajaran mereka.

8.2. CADANGAN PEMBETULAN SEBUTAN

Dapatan daripada AS dalam Bab 7 telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BP mempunyai masalah di dalam menyebut bunyi-bunyi BP. Di sini penyelidik akan cuba mencadangkan beberapa langkah bagi membantu penguasaan dan penghasilan bunyi-bunyi BP khususnya oleh pelajar-pelajar Melayu di Malaysia. Cadangan-cadangan ini dikemukakan setelah mengambil kira punca dan sumber kesilapan yang telah dibincangkan dalam bab-bab terdahulu. Namun begitu, cadangan yang akan dikemukakan ini bukanlah merupakan satu-satunya kaedah lengkap pengajaran yang dapat digunakan di dalam kelas BP. Kaedah-kaedah yang dicadangkan ini terdiri daripada antaranya kaedah-kaedah yang telah diuraikan di atas dan juga kaedah-kaedah pembetulan sebutan lain yang dirasakan sesuai untuk digunakan di dalam pengajaran BP kepada pelajar-pelajar Melayu di Malaysia. Kaedah-kaedah pembetulan yang dicadangkan ini boleh saling melengkapi antara satu sama lain.

Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 7, salah satu sebab kesilapan sebutan di dalam penghasilan bunyi-bunyi BP oleh pelajar-pelajar Melayu adalah berpunca daripada sistem ejaannya. Oleh itu, dirasakan amat perlu pelajar-pelajar didedahkan dengan sistem ejaan BP terlebih dahulu. Selain daripada pendedahan kepada sistem ejaan perkataan BP, latihan pertentangan pasangan minimal bunyi-bunyi BP juga boleh dijalankan bagi meningkatkan keupayaan pelajar untuk menanggap bunyi-bunyi BP dan seterusnya dapat memperbaiki sebutan mereka. Di samping itu, bagi membantu pelajar menyebut bunyi-

bunyi separuh vokal seperti [w] dan [ɥ], kaedah urutan/gabungan bunyi akan juga dicadangkan di sini.

8.2.1. Pengenalan Sistem Ejaan Bahasa Perancis

Sistem ejaan yang digunakan bagi mewakili sesuatu bunyi bahasa boleh mempengaruhi sebutan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa tersebut. Peter MacCarthy (1975: 113), berpendapat bahawa jika hubungan antara ejaan dan sebutan sesuatu bahasa adalah hampir maka lebih mudah untuk mempelajari ejaan daripada sistem bunyi bahasa tersebut tetapi jika sebaliknya, maka adalah lebih mudah mempelajari sebutan sesuatu bunyi daripada sistem ejaannya. Dalam BP, sistem ejaan yang digunakan bagi mewakili bunyi-bunyinya amat kompleks. Setiap bunyi boleh diwakili oleh lebih daripada satu cara ejaan. Dalam BM, biasanya satu huruf mewakili satu bunyi dan ini amat berbeza dengan BP yang mana satu bunyi boleh diwakili oleh beberapa huruf atau kombinasi huruf.

Kepelbagaiannya ejaan yang mewakili bunyi-bunyi BP terutamanya bunyi vokal menyebabkan pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah di dalam menyebut bunyi-bunyi tersebut. Daripada analisis dalam Bab 7, kita dapat sebahagian besar pelajar Melayu menghadapi masalah untuk menyebut perkataan-perkataan tertentu walaupun bunyi vokal yang terdapat dalam perkataan tersebut juga hadir dalam sistem fonetik dan fonologi BM. Pelajar-pelajar Melayu cenderung menyebut perkataan dalam BP mengikut cara ejaannya seperti mana yang berlaku dalam BM. Bagi membantu pelajar memperbaiki sebutan bunyi-bunyi BP, pengenalan kepada sistem ejaan BP perlulah dibuat pada peringkat awal kursus BP dijalankan. Pelajar-pelajar perlu didedahkan dengan sistem ejaan agar mereka

menyedari bahawa dalam BP satu bunyi tidak diwakili oleh hanya satu huruf sahaja. Senarai bentuk ejaan yang mewakili bunyi-bunyi dan cara sebutannya perlulah diperkenalkan kepada pelajar.

Jadual 8.2.1 (a): Sistem Ejaan Bunyi Vokal BP

Bil	Bunyi	Ejaan	Contoh
1.	i	i î ï y	si [si] île [il] maïs [mais] cycle [sikl]
2.	e	é e es ai	santé [sãte] chanter [ʃãte] les [le] j'ai [ʒe]
3.	ɛ	è ê ei ai e e	père [pɛR] être [ɛtR] seize [sɛz] chair [ʃɛR] fer [fɛR] elle [ɛl]
4.	y	u û eu eû uë	mur [myR] fût [fy] j'ai eu [ʒe y]] nous eûmes [nuzym] aiguë [egy]
5.	ø	eu œu eû	feu [fø] vœu [vø] jeûne [ʒøn]

6.	œ	eu } œu cueil gueil	<i>diikuti oleh konsonan bersuara</i>	heure [œR] œuf [œf] accueil [akœj] orgueil [ɔRgœj]
7.	ɑ	a + s, ss â		casse [kas] pâte [pɑt]
8.	ə	e <i>dalam satu suku kata</i> e <i>diikuti oleh ss</i> on <i>dalam perkataan tertentu sahaja</i>		me [mə] dessous [dəsu] monsieur [məsjø]
9.	u	ou où oû aou		pour [puR] où [u] coût [ku] saoul [su]
10.	o	eau au o <i>di akhir kata</i> o <i>diikuti oleh satu konsonan tidak bersuara</i> o + /z/ ô		peau [po] haut [o] auto [oto] gros [gRo] pose [poz] côte [kot]
11.	ɔ	o + mm o <i>diikuti oleh konsonan bersuara</i> o <i>dalam suku kata terbuka</i>		pomme [pɔm] port [pɔR] colorer [kɔlɔRe]
12.	a	a à e + mm <i>dalam adverba</i>		chat [ʃa] là [la] prudemment [pRydamã]
13.	ɛ	in im		fin [fɛ] timbre [tɛbR]

		yn ym ein ain aim en	syntaxe [sɛtaks] symbole [sɛbɔl] peinture [pɛtyR] pain [pɛz] daim [dɛz] doyen [dwajɛ]
14.	œ	un um	brun [bRœ] parfum [paRfœ]
15.	ɔ	on om	non [nɔ] pompier [pɔpjɛ]
16.	ã	en em an am aen aon ent <i>pada kata nama dan kata adjektif</i>	penser [pãse] sembler [sãble] paysan [peizã] champ [ʃã] Caen [kã] paon [pã] patient [pasjã] client [klijã]

Jadual 8.2.1 (b): Sistem Ejaan Bunyi Konsonan BP

Bil	Bunyi	Ejaan	Contoh
1.	p	p	parent [paRã]
		pp	appeler [aple]
2.	b	b	beau [bo]
		bb	abbé [abe]
3.	t	t	table [tabl]
		tt	battre [batR]
		th	thé [te]
4.	d	d	de [dø]
		dd	addition [adisjõ]
		dh	adhérer [adere]
5.	k	c	café [kafe]
		cc	accorder [akole]
		ch	chœur [kœR]
		qu	quitter [kite]
		q	coq [kɔk]
		k	kiosque [kjɔsk]
6.	g	g + a, o	gâteaux [gato]
		gu	guère [gεR]
		gg	aggrandir [agRãdiR]
7.	s	s	sale [sal]
		ss	

		sc ce ci cy ça ço çu x <i>dalam perkataan tertentu</i>	boisson [bwasõ] discipline [disiplin] vice [vis] cité [site] cycle [sikl] ça [sa] maçon [masõ] reçu [Røsy] soixante [swasãt]
8.	z	s <i>antara dua vokal</i> z s <i>dalam persendian</i> x <i>dalam persendian</i>	poison [pwazõ] douze [duz] mes amies [mezami] deux enfants [døzãfã]
9.	f	f ff ph	face [fas] buffet [byfɛ] pharmacie [faRmasi]
10.	v	v w	venir [vəniR] wagon [vagõ]
11.	ʃ	ch sch	chat [ʃa] schème [ʃema]
12.	ʒ	j	joli [ʒɔli]

		ge gi	ranger [Rãʒe] bougie [buʒi]
13.	m	m mm	mais [mɛ] pomme [pɔm]
14.	n	n nn mn	nature [natyR] bonne [bɔn] automne [ɔtɔn]
15.	ŋ	gn	signer [siɲe]
16.	l	l ll	mal [mal] belle [bɛl]
17.	R	r rr rh	raser [Rase] terre [tɛR] rhume [Rym]
18.	w	ou oi	ouest [west] moi [mwa]
19.	j	ie y il ill	miel [mjɛl] yaourt [jauRt] travail [tRavaj] bille [bijɛ]
20.	ɥ	ui	nuit [nɥi]

Setelah sistem ejaan ini diperkenalkan kepada pelajar, pengajar boleh menguji sama ada mereka dapat menghubungkan antara bunyi yang didengar dengan ejaan yang digunakan bagi mewakili bunyi tersebut dengan cara membuat latihan ejaan untuk bunyi-bunyi tertentu. Latihan ejaan untuk semua bunyi vokal dan konsonan hendaklah dibuat secara berperingkat-peringkat. Dengan cara ini pelajar akan dapat melihat perkaitan antara ejaan dan bunyi-bunyi BP dengan lebih jelas. Jika semua bunyi diuji serentak, pelajar akan merasa terlalu terbebani dengan sistem ejaan BP dan ini secara tidak langsung akan menyebabkan mereka kehilangan minat untuk mempelajari BP. Pengajar boleh mempelbagaikan kaedah memperkenalkan sistem ejaan ini dengan cara yang lebih santai seperti mengadakan kuiz atau permainan yang melibatkan sistem ejaan ini.

Pelajar-pelajar boleh diminta untuk memberi senarai ejaan yang berkemungkinan bagi beberapa bunyi yang dihasilkan oleh guru atau pita rakaman yang diperdengarkan. Selepas itu guru meminta pelajar dan pasangan masing-masing untuk mengenalpasti ejaan yang ditulis sama ada tepat atau tidak dengan bunyi yang telah diperdengarkan tadi. Melalui cara ini pelajar akan sedar tentang kesilapan yang dilakukan dan seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap kepekaan pelajar tentang bunyi-bunyi tersebut.

Pelajar-pelajar juga perlu diberi latihan untuk mengenal bunyi-bunyi tersebut dengan cara mendengar dan menandakan bentuk ejaan yang sesuai bagi bunyi-bunyi yang diperdengarkan. Tumpuan perlu diberi kepada bunyi-bunyi vokal kerana bunyi-bunyi vokal BP sangat kompleks dan sering menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar Melayu. Kaedah ini memerlukan pendedahan kepada simbol-simbol fonetik BP yang mewakili bunyi-bunyi tersebut. Ini bermakna pengajar perlu menerangkan serba sedikit tentang bagaimana sesuatu bunyi bahasa dihasilkan dan apakah simbol fonetik yang digunakan bagi

mewakili bunyi-bunyi tersebut. Selain daripada latihan mendengar, latihan sebutan bunyi-bunyi BP terutamanya bunyi vokal juga boleh dilakukan. Perkataan-perkataan yang mengandungi bunyi-bunyi BP dalam pelbagai bentuk ejaan diberi kepada pelajar dalam bentuk ayat dan kemudian mereka diminta membacakan ayat-ayat tersebut.

8.2.2. Kaedah Latihan Pertentangan Pasangan Minimal

Dalam membuat latihan ini, guru boleh memperdengarkan kepada pelajar senarai ayat yang mengandungi bunyi-bunyi yang berbeza tersebut dan kemudiannya meminta mereka supaya cuba mengenalpasti perkataan yang mengandungi bunyi-bunyi tersebut. Pelajar juga boleh diminta menulis bunyi yang didengar bagi melihat sama ada mereka berupaya menanggap bunyi-bunyi tersebut atau tidak. Selain itu, ujian diskriminasi bunyi-bunyi juga boleh dijalankan untuk melihat sejauh mana mereka menyedari bahawa terdapat perbezaan pada bunyi-bunyi yang diperdengarkan kepada mereka. Latihan ini boleh dilakukan bagi bunyi-bunyi vokal, konsonan dan rangkap konsonan. Bunyi-bunyi yang hampir sama ini dipertentangkan pada semua lingkungan kata iaitu di awal, tengah dan akhir kata. Latihan pertentangan pasangan minimal bukan sahaja boleh dibuat melalui senarai perkataan tetapi juga dalam bentuk ayat. Kehadiran bunyi-bunyi yang dipertentangkan dalam ayat dapat memberi petunjuk kepada pelajar untuk meneka bentuk ejaan dan makna perkataan tersebut berdasarkan konteks ayatnya.

Di samping latihan diskriminasi bunyi, latihan pertentangan pasangan minimal ini juga boleh dilakukan untuk melatih sebutan bunyi-bunyi BP. Senarai pasangan perkataan yang mengandungi bunyi-bunyi yang dipertentangkan diberi kepada pelajar dan mereka diminta menyebut perkataan-perkataan tersebut. Guru boleh meminta pelajar membuat

aktiviti ini secara berpasangan di mana salah seorang daripada pelajar tersebut tidak boleh melihat senarai perkataan yang diberi. Apabila pelajar yang mempunyai senarai perkataan menyebut perkataan-perkataan tersebut, pasangannya perlu menyatakan sama ada perkataan yang disebut itu adalah pasangan perkataan yang sama atau berbeza. Jika sekiranya pasangan perkataan yang disebut adalah merupakan dua perkataan yang berbeza tetapi dikatakan sebagai pasangan perkataan yang sama, maka ini menunjukkan bahawa pelajar yang menyebut perkataan tersebut tidak mengujarkan bunyi yang berbeza itu dengan tepat. Latihan ini boleh diteruskan dengan pelajar-pelajar seterusnya bertukar peranan yakni pelajar yang menyebut senarai perkataan dalam latihan pertama pula mengambil peranan sebagai pendengar. Senarai perkataan yang diberi mesti senarai yang berbeza dengan senarai yang terdahulu. Melalui latihan ini, pelajar-pelajar dapat melatih sebutan dan juga keupayaan mereka untuk menanggap bunyi-bunyi BP. Selain daripada itu, latihan ini juga dapat meningkat kepekaan dan kesedaran pelajar bahawa sebutan yang salah boleh menjaskan kefahaman pendengar.

Namun begitu, di dalam memilih bunyi-bunyi vokal yang akan dipertentangkan dalam pertentangan pasangan minimal, guru-guru perlu memberi keutamaan kepada dua perkara. Pertama, pasangan bunyi yang dipertentangkan hendaklah terdiri daripada bunyi-bunyi yang menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar Melayu dari segi pendengaran dan pengeluaran bunyi-bunyi tersebut. Seperti yang kita lihat daripada keputusan ujian diskriminasi bunyi-bunyi vokal BP dalam Bab 7, pelajar-pelajar Melayu dapat menanggap bunyi-bunyi vokal BP dengan baik tetapi menghadapi masalah untuk menghasilkan bunyi-bunyi vokal tertentu seperti vokal nasal dan vokal depan bundar dengan baik. Oleh yang demikian, di dalam menyediakan latihan pasangan minimal ini, perhatian hendaklah diberi kepada bunyi-bunyi tersebut. Kedua, seperti yang telah disebut dalam bab-bab terdahulu

bahawa dalam sistem fonetik BP moden, jumlah bunyi vokalnya makin berkurangan daripada 16 bunyi vokal kepada 13. Beberapa bunyi vokalnya sedang mengalami proses perubahan yakni bunyi-bunyi vokal tertentu semakin hilang dan digantikan dengan bunyi-bunyi lain. Contohnya bunyi [ø] dan [œ] semakin digantikan dengan bunyi [ə], sebutan bunyi [ɛ] dan [œ̃] tidak lagi dibezakan sebutannya dan juga bunyi [a] boleh mewakili bunyi [a] dan [ɑ]. Oleh itu pasangan bunyi yang diuji hendaklah diberi keutamaan kepada bunyi-bunyi vokal yang jelas perbezaannya dan elakkan daripada memilih pasangan perkataan yang mengandungi bunyi [ø] dan [œ], [ɛ] dan [œ̃] atau pun [a] dan [ɑ] kerana seperti yang dijelaskan bahawa kesilapan bunyi-bunyi ini tidak begitu menjelaskan komunikasi dan makna perkataan masih boleh difahami oleh orang yang mendengarnya sekiranya salah satu bunyi tersebut diujarkan bagi menggantikan bunyi yang lain.

Jadual 8.2.2(a) : Contoh Pertentangan Pasangan Minimal Bunyi Vokal BP

Vokal	Fitur distingtif	Perkataan	Makna
/i/	(+depan, -bundar, +sempit)	prix [pRi]	harga
/e/	(+depan, -bundar, -sempit)	pré [pRe]	ladang rumput
/i/	(+depan, -bundar, +sempit)	bile [bil]	hempedu
/ɛ/	(+depan, -bundar, -sempit)	belle [bɛl]	cantik
/i/	(+depan, -bundar, +sempit)	pire [piR]	lebih buruk
/y/	(+depan, +bundar, +sempit)	pur [pyR]	asli
/u/	(-depan, +bundar, +sempit)	roue [Ru]	roda
/y/	(+depan, +bundar, +sempit)	rue [Ry}	jalan

/ɛ/	(+depan, +luas, -nasal)	mais [mɛ]	tetapi
/ɛ/	(+depan, +luas, +nasal)	main [mɛ̃]	tangan
/a/	(+depan, +luas, -nasal)	plat [pla]	pinggan
/ã/	(-depan, +luas, +nasal)	plan [plã]	rancangan

Jadual 8.2.2(b) : Contoh Pertentangan Pasangan Minimal Bunyi-bunyi Konsonan BP

Bunyi konsonan	Fitur distingtif	Perkataan	Makna
/p/	(+letupan, +dua bibir, -bersuara)	poule [pul]	ayam betina
/b/	(+letupan, +dua bibir, +bersuara)	boule [bul]	bola
/t/	(+letupan, +gigi, -bersuara)	tout [tu]	semua
/d/	(+letupan, +gigi, +bersuara)	doux [du]	lembut
/k/	(+letupan, +lelangit lembut, - bersuara)	classe [klas]	kelas
/g/	(+letupan, +lelangit lembut, +bersuara)	glace [glas]	ais krim
/f/	(+geseran, +dua bibir, -bersuara)	faux [fo]	salah
/v/	(+geseran, +dua bibir, +bersuara)	veau [vo]	anak lembu
/s/	(+geseran, +gusi, -bersuara)	douce [dus]	lembut
/z/	(+geseran, +gusi, +bersuara)	douze [duz]	dua belas
/m/	(+sengau, +dua bibir, +bersuara)	brume [bRym]	kabus
/n/	(+sengau, +gigi, +bersuara)	brune [bRyn]	warna perang

**Jadual 8.2.2(c) : Contoh Pertentangan Pasangan Minimal Rangkap Konsonan BP
Awal Kata**

Bunyi konsonan	Fitur distingtif	Perkataan	Makna
/pR/	(+letupan, +dua bibir, -bersuara) + (+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)	prise [pRiz]	rampasan
/bR/	(+letupan, +dua bibir, +bersuara) + (+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)	brise [bRiz]	nyaman
/gR/	(+letupan, +lelangit lembut, +bersuara) + (+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)	grand [gRã]	besar
/gl/	(+getaran, +lelangit lembut, +bersuara) + (+sisian, +gigi, +bersuara)	gland [glã]	buah oak
/kl/	(+letupan, +lelangit lembut, - bersuara) + (+sisian, +gigi, +bersuara)	classe [klas]	kelas
/gl/	(+letupan, +lelangit lembut, +bersuara) + (+sisian, +gigi, +bersuara)	glace [glas]	ais krim
/kR/	(+letupan, +lelangit lembut, - bersuara) + (+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)	cri [kRi]	jeritan
/gR/	(+getaran, +lelangit lembut, +bersuara) + (+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)	gris [gRi]	kelabu
/fR/	(+geseran, +dua bibir, -bersuara) + (+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)	frais [fRɛ]	segar
/vR/	(+geseran, +dua bibir, +bersuara) + (+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)	vrai [vRɛ]	benar

**Jadual 8.2.2(d) : Contoh Pertentangan Pasangan Minimal Rangkap Konsonan BP
Tengah Kata**

Bunyi konsonan	Fitur distingtif	Perkataan	Makna
/pR/	(+letupan, +dua bibir, -bersuara) + (+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)	emprunt [ãpRœ] embruns [ãbRœ]	pinjaman percikan ombak
	(+letupan, +dua bibir, +bersuara) + (+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)		
/tR/	(+letupan, +gigi, -bersuara) + (+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)	entrer [ãtRe]	masuk
	(+letupan, +lelangit lembut, - bersuara) + (+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)		
/kR/	(+letupan, +lelangit lembut, - bersuara) + (+sisian, +gigi, +bersuara)	enrer [ãkRe]	mengisi dakwat
	(+geseran, +dua bibir, -bersuara) + (+sisian, +gigi, +bersuara)		
/kl/	(+letupan, +lelangit lembut, - bersuara) + (+sisian, +gigi, +bersuara)	gicler [ʒikle] gifler [ʒifle]	menyembur menampar
	(+geseran, +dua bibir, -bersuara) + (+sisian, +gigi, +bersuara)		
/fl/	(+geseran, +dua bibir, -bersuara) + (+sisian, +gigi, +bersuara)	enflé [ãfle] entrée [ãtRe]	bengkak pintu masuk
	(+letupan, +gigi, -bersuara) + (+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)		

Jadual 8.2.2(e) : Contoh Pertentangan Pasangan Minimal Rangkap Konsonan BP
Akhir Kata

Bunyi konsonan	Fitur distingtif	Perkataan	Makna
/tR/	(+letupan, +gigi, -bersuara) +	poutre [putR]	alang
	(+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)		bumbung
/dR/	(+letupan, +gigi, +bersuara) +	poudre [pudR]	serbuk
	(+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)		
/Rk/	(+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)	marque [maRk]	tanda
	+ (+letupan, +lelangit lembut, - bersuara)		
/sk/	(+geseran, +gusi, -bersuara) + (+letupan,	masque [mask]	topeng
	+lelangit lembut, - bersuara)		
/bR/	(+letupan, +dua bibir, +bersuara) +	libre [libR]	bebas
	(+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)		
/vR/	(+geseran, +dua bibir, +bersuara) +	livre [livR]	buku
	(+getaran, +lelangit lembut, +bersuara)		
/Rm/	(+getaran, +lelangit lembut, +bersuara) +	larme [laRm]	air mata
	(+sengau, +dua bibir, +bersuara)		
/Rʒ/	(+getaran, +lelangit lembut, +bersuara) +	large [laRʒ]	luas
	(+geseran, +gusi-lelangit keras, +bersuara)		
/Rt/	(+getaran, +lelangit lembut, +bersuara) +	perte [pɛRt]	kehilangan
	(+letupan, +gigi, -bersuara)		
/st/	(+geseran, +gusi, -bersuara) +	peste [pɛst]	wabak
	(+letupan, +gigi, -bersuara)		

8.2.3. Kaedah Urutan Bunyi

Kaedah ini dicadangkan khusus untuk membantu memperbaiki sebutan bunyi-bunyi konsonan separuh vokal [w] dan [ɥ]. Kedua-dua konsonan diberi perhatian yang khusus kerana daripada dapatan kajian AS yang telah dijalankan dalam Bab 8, didapati bahawa pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah yang besar di dalam pengeluaran bunyi-bunyi tersebut. Oleh itu dirasakan amat penting perhatian diberi bagi membentulkan sebutan bunyi-bunyi ini. Kaedah yang dirasakan amat sesuai untuk tujuan ini adalah kaedah urutan atau rentetan bunyi-bunyi vokal tertentu yang dapat melatih alat-alat artikulasi ke arah penyebutan bunyi-bunyi separuh vokal berkenaan. Kaedah ini juga melibatkan kaedah artikulasi yakni cara pengeluaran bunyi dijelaskan dengan menghuraikan tentang apakah alat artikulasi yang terlibat dan bagaimanakah bentuknya ketika bunyi-bunyi separuh vokal tersebut dihasilkan.

Dalam kaedah ini, bunyi-bunyi vokal [i], [y], [u] dan [e] digabungkan atau hadir secara berurutan bagi membantu menyediakan alat artikulasi seperti bibir dan lidah untuk menyebut bunyi-bunyi separuh vokal [w] dan [ɥ]. Seperti yang diketahui bahawa cara penghasilan bunyi-bunyi vokal adalah hampir sama dengan bunyi-bunyi vokal. Oleh itu, gabungan bunyi-bunyi vokal tersebut dapat membantu memudahkan pengeluarannya. Untuk menghasilkan bunyi separuh vokal [w], gabungan bunyi-bunyi vokal [u-i] dan [u-e] digunakan. Manakala bagi membantu menghasilkan bunyi separuh vokal [ɥ], gabungan bunyi-bunyi vokal [y-i] dan [y-e] digunakan. Contoh latihan ini yang dipetik dari buku *Phonétique 350 exercices* (1994 : 43) dapat dilihat dalam jadual di bawah. Pengkaji tidak

bermaksud untuk mempromosikan buku ini untuk tujuan komersial tetapi merasakan latihan ini amat berguna dan sesuai untuk dijalankan kepada pelajar-pelajar Melayu.

Jadual 8.2.3(a) : Contoh Latihan Urutan Vokal Untuk Menghasilkan Bunyi [w]

Bunyi [w]				
Siri urutan	Bunyi	Contoh	Makna	
[u-i] ➔ [wi]	ou-i ➔ oui	oui [wi]	ya	
	[ui] [wi]			
	fou-i ➔ foui	enfoui [ãfw̫i]	menanam	
	[fui] [fw̫i]			
	nou-i ➔ noui	évanoui [evanwi]	pengsan	
	[nui] [nwi]			
[u-e] ➔ [we]	tou-é ➔ toué	tatoué [tatwe]	mencacah	
	[tue] [twe]			
	jou-é ➔ joué	enjoué [ãʒwe]	ceria	
	[ʒue] [ʒwe]			
	nou-é ➔ noué	renoué [Rənwe]	mengikat	
	[nue] [nwe]			

Jadual 8.2.3(b) : Contoh Latihan Urutan Vokal Untuk Menghasilkan Bunyi [ɥ]

Bunyi [ɥ]				
Siri Urutan	Bunyi	Contoh	Makna	
[y – i] → [ɥi]	su-i → suis [syi] [sɥi] du-i → dui [dyi] [dɥi] plu-i → plui [plyi] [plɥi]	essuie [esɥi] traduire [tRɑdɥiR] pluie [plɥi]	pengelap terjemah hujan	
[y-e] → [ɥe]	tu-é → tué [tye] [tɥe] lu-é → lué [lye] [lɥe] mu-é → mué [mue] [mɥe]	situer [sitɥe] saluer [salɥe] remuer [Rəmɥe]	menentukan tempat menyapa mengacau	

Latihan ini boleh dilakukan secara beramai-ramai di dalam kelas. Guru perlu menyediakan senarai perkataan seperti contoh di atas dan meminta pelajar untuk menyebut senarai tersebut seorang demi seorang. Pembetulan sebutan bunyi-bunyi tersebut hendaklah dibuat di dalam kelas. Guru perlu menerangkan dengan jelas kepada pelajar-pelajar bahawa bunyi-bunyi tersebut terdiri daripada dua jenis bunyi iaitu yang pertama merupakan gabungan dua bunyi vokal dan yang kedua merupakan gabungan bunyi separuh vokal dan

bunyi vokal. Guru juga perlu menyedarkan pelajar bahawa terdapat perubahan bentuk bibir apabila bunyi apabila bunyi-bunyi tersebut dihasilkan. Penerangan tentang bagaimana bunyi-bunyi tersebut dikeluarkan dan bagaimanakah bentuk alat artikulasi yang terlibat semasa penghasilannya perlulah dibuat oleh guru. Dengan demikian, pelajar akan lebih memahami proses yang berlaku dan perbezaan yang terdapat antara bunyi-bunyi vokal dan separuh vokal tersebut. Pengulangan dan peniruan penyebutan bunyi-bunyi berkenaan dapat membantu pelajar-pelajar memperbaiki sebutan mereka.

8.2.4. Kaedah Makmal Bahasa

Penggunaan makmal bahasa juga amat berguna di dalam membantu memperbaiki sebutan para pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa asing. Kaedah ini walaupun telah lama digunakan tetapi masih lagi menjadi salah satu kaedah yang berkesan untuk tujuan membantu sebutan bunyi-bunyi bahasa asing. Para pelajar boleh melatih sebutan perkataan yang betul dengan cara mendengar rakaman perkataan atau ayat di dalam bahasa sasaran dan kemudian mengulang sebutan tersebut secara latih tubi. Di dalam makmal bahasa, para pelajar diberi peluang mengendalikan sendiri pita rakaman secara individu. Mereka boleh mendengar rakaman yang disediakan oleh guru seberapa kerap yang mereka suka dan pada masa yang sama cuba mengulang menyebut perkataan atau ayat yang terdapat di dalam pita rakaman.

Di dalam makmal bahasa, guru boleh memantau, aktiviti pelajar dari mejanya yang mempunyai alat kawalan pusat. Guru dapat mendengar sebutan para pelajar secara individu dengan cara menekan nombor tempat duduk pelajar tersebut. Guru juga boleh berhubung dengan semua pelajar secara serentak dari mejanya dengan menekan butang tertentu di

meja kawalannya. Ini bermakna pelajar diberi kebebasan untuk mengendalikan sendiri pita rakaman mereka tetapi pada masa yang sama dapat dipantau oleh guru. Mesin yang terdapat di dalam makmal bahasa ini juga membolehkan guru mengenalpasti masalah sebutan yang dihadapi oleh setiap pelajar dan seterusnya membantu pelajar tersebut memperbaiki sebutannya.

8.3. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa kajian AK dan AS merupakan dua kaedah kajian yang telah memberi sumbangan yang penting di dalam kajian pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing dan masih lagi relevan dijalankan walaupun pernah mendapat kritikan di kalangan ahli linguistik terapan. Meskipun kedua-dua kaedah kajian ini telah lama dijalankan dalam bidang pemerolehan bahasa, namun kehadiran kedua-duanya masih lagi memberi impak kepada bidang kajian ini dan tidak seharusnya dibiarkan mati begitu sahaja. Banyak manfaat yang boleh diperolehi daripada kaedah kajian AK dan AS di dalam meningkatkan penguasaan pemerolehan bahasa oleh pelajar-pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa kedua atau bahasa asing. Bidang kajian ini telah berjaya membantu pihak yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing mengenalpasti masalah yang berkaitan dengannya.

Dapatan daripada kajian AK dan AS ke atas sistem fonetik dan fonologi antara BM dan BP ini telah membantu para guru mengenalpasti kaedah yang sesuai bagi membantu para pelajar memperbaiki sebutan bunyi-bunyi BP. Namun bagitu, kaedah pembetulan sebutan bunyi-bunyi BP yang dikemukakan di sini bukanlah merupakan kaedah yang lengkap untuk menangani masalah kesilapan sebutan oleh pelajar-pelajar Melayu. Kaedah-

kaedah ini lebih merupakan garis panduan yang boleh diguna pakai oleh guru-guru di dalam pengajaran sebutan bunyi-bunyi BP. Kaedah-kaedah yang dicadangkan juga ini diharapkan akan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat dengan pengajaran BP di Malaysia khususnya di dalam membantu memperbaiki sebutan pelajar yang mempelajari BP dan seterusnya dapat membantu meningkatkan penguasaan bahasa mereka.

Kaedah pembetulan sebutan yang dikemukakan di sini bukan hanya boleh menjadi panduan kepada guru, tetapi juga boleh dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar secara individu. Walaupun proses pengajaran dan pembelajaran BP di Malaysia berlaku dalam konteks luar daerah bahasa tersebut (*exolingue*), tetapi dengan perkembangan teknologi maklumat, para pelajar dapat melakukannya secara autonomi. Pada masa kini, guru boleh memberi galakan dan maklumat kepada pelajar berkaitan dengan laman web yang sesuai dilayari untuk tujuan memperbaiki sebutan mereka. Terdapat pelbagai laman web khusus yang memberi tumpuan kepada sistem bunyi BP dan latihan-latihan sebutan secara interaktif. Latihan-latihan ini boleh dilakukan secara individu dan pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu, guru dan bilik darjah bukan lagi merupakan medium utama yang memainkan peranan penting di dalam meningkat penguasaan bahasa asing pelajar. Guru perlu menyarankan kepada pelajar agar lebih berdikari di dalam pembelajaran mereka. Cara pemikiran pelajar pula berubah mengikut perubahan zaman. Pelajar tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada guru untuk menyampaikan ilmu. Guru tidak lagi boleh dianggap sebagai ejen tunggal di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar perlu lebih proaktif di dalam pembelajaran mereka kerana perkembangan teknologi maklumat memungkinkan pembelajaran secara autonomi dijalankan.